

**Titah bukti ketegasan  
Utusan Online  
October 11, 2011**

SHAH ALAM 10 Okt. – Datuk Dr. Hasan Mohamed Ali menyambut baik titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menyatakan tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengadakan pemeriksaan di Dewan 3, Kompleks Dream Centre, Petaling Jaya pada 3 Ogos lalu adalah betul serta berlandaskan undang-undang.

Hasan yang merupakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri itu berkata, titah Sultan Selangor itu merupakan satu penegasan oleh Ketua Agama Islam Negeri yang mahu aktiviti pemesanan akidah umat Islam tidak berlaku di negeri ini.

“Titah itu adalah satu ketegasan baginda yang mengkehendaki aktiviti pemesanan akidah tidak berlaku di Selangor. Titah itu juga turut menunjukkan komitmen baginda yang tidak berbelah bagi dalam isu membabitkan akidah umat Islam.

“Saya gembira atas titah baginda yang menyatakan bahawa memang wujudnya cubaan memesonkan akidah. Saya juga merasa lega bahawa siasatan JAIS itu telah dilakukan mengikut lunas undang-undang.

“Dengan titah baginda ini, ia jelas dengan sendirinya menyangkal dakwaan bahawa pegawai penguatkuasa JAIS membelakangkan peraturan dan undang-undang dalam menjalankan operasi pemeriksaan tersebut,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Hari ini, Sultan Sharafuddin mengeluarkan titah dan menyatakan tindakan JAIS mengadakan pemeriksaan di Dewan 3, Kompleks Dream Centre adalah betul dan berlandaskan lunas undang-undang serta bidang kuasa yang telah diperuntukkan kepada pihak berkuasa agama itu.

Titah baginda, tindakan JAIS itu adalah selaras dengan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor, 1988.

Titah itu dikeluarkan setelah baginda menerima laporan penuh daripada JAIS mengenai pemeriksaan ke atas kompleks tersebut yang dilaporkan terdapat unsur-unsur penyebaran agama lain ke atas sekumpulan penganut Islam.

Dalam pada itu, Hasan turut memberitahu bahawa beliau akan mengadakan pertemuan dengan JAIS bagi meneliti titah Sultan Selangor itu, selain menentukan setiap tindakan penguatkuasaan akan dilakukan menggunakan sistem berprestasi tinggi selepas ini.

Sistem penguatkuasaan itu katanya, akan membabitkan penggunaan peralatan yang canggih supaya kes membabitkan kesalahan jenayah syariah dapat dipertahankan ke muka pengadilan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1011&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1011&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm)